

TADBIR URUS KORPORAT

PERANAN DAN KEPENTINGAN TERHADAP SEKTOR KORPORAT

Oleh :

Dr Md Ishak Ismail¹
Nur Fa'izah Bt Abu Bakar²

Kata Kunci : Amalan Tadbir Urus Korporat, Pelan Integriti Malaysia

¹ Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Tadbir Urus Malaysia

² Pelatih, Skim Latihan Graduan Pasaran Modal Suruhanjaya Sekuriti

TADBIR URUS KORPORAT DAN ETIKA PERNIAGAAN

Pengenalan

Sektor korporat Malaysia patut membangunkan satu budaya prestasi berpandukan nilai dan pemikiran yang betul untuk berada pada kedudukan lebih baik bagi menghadapi apa jua cabaran luar yang mungkin datang dan meraih kekayaan daripadanya.

Arus globalisasi menghapuskan dengan pantas sekatan terhadap perdagangan antarabangsa dan pergerakan modal, membawa bersamanya cabaran baru yang sukar terutama dalam persaingan.

Amalan tadbir urus korporat dan etika perniagaan yang baik berpandukan kepada kod tadbir urus dan kod etika akan membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan berkeupayaan meraih pencapaian terbaik dalam sektor kewangan dan pasaran saham.

Tadbir Urus Dalam Sektor Korporat

Tadbir urus korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada daya tarikan negara untuk pelaburan dalaman dan perkembangan perniagaan. Ia juga menyumbang kepada kecekapan pasaran modal dan keberkesanan dalam ekonomi sebenar. Mengekalkan piawaian tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan jenama bagi pertubuhan atau syarikat, di samping meningkatkan budaya yang sihat kepada tanggungjawab korporat.

Amalan tadbir urus korporat di kalangan syarikat-syarikat di Malaysia semakin menunjukkan kemajuan terutamanya dari aspek kesedaran dan amalan. Kesedaran yang kian meningkat dan menghargai amalan tadbir urus korporat yang baik melibatkan penggunaan amalan mandatori hinggalah kepada kewajipan. Pendekatan dalam meningkatkan kesedaran bagi mewujudkan tadbir urus korporat yang baik perlu berpandukan kepada pelbagai disiplin yang merangkumi disiplin pasaran, diri dan pengawalseliaan.³

Berdasarkan pemerhatian serta pertemuan dengan penganalisis pasaran di seluruh dunia, didapati komen atau analisis negatif terhadap amalan tadbir urus korporat di pasaran Malaysia semakin berkurangan. Tetapi, masih banyak ruang kosong yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan bagi memastikan tadbir urus korporat menjadi sebahagian daripada budaya kerja syarikat-syarikat di Malaysia.⁴

³ Utusan Malaysia, 3 Feb 2005

⁴ Utusan Malaysia, 25 Mei 2005

Syarikat-syarikat yang mempunyai tadbir urus korporat yang baik dan telus berkeupayaan meraih pencapaian terbaik dalam sektor kewangan dan pasaran saham manakala syarikat yang mempunyai tadbir urus korporat yang goyah selalunya gagal. Syarikat yang gagal juga akan mengalami kesulitan untuk menjana modal baru kerana pembentukan modal bergantung kepada keyakinan pelabur ke atas integriti, keadilan pasaran modal dan cara sesebuah pasaran berfungsi.

Ini jelas membuktikan bahawa tahap tadbir urus korporat yang tinggi amat penting sekiranya Bursa Malaysia ingin menarik perhatian pelaburan jangka panjang dari luar negara berbanding dengan pelaburan jangka pendek yang boleh hilang sekelip mata sebagaimana yang terjadi dalam tahun 1997.

Suruhanjaya Sekuriti telah memperkenalkan Kod Malaysia untuk Tadbir Urus Korporat (Kod) dalam tahun 2000. Kod ini telah memberi pelbagai usul terhadap banyak perkara, termasuklah soal struktur dan komposisi lembaga pengarah serta penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh lembaga pengarah. Kod ini bertujuan membantu syarikat-syarikat senarai awam di Malaysia mencapai tahap dunia dari segi tadbir urus korporat.⁵

Terbaru, amalan tadbir urus yang baik akan dimasukkan sebagai salah satu elemen utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang bermula tahun depan. Ini akan menjadikan pelan induk bagi usaha berterusan untuk membangunkan modal manusia yang boleh memacu dasar-dasar ekonomi secara beretika dan dengan tahap integriti yang tertinggi. Ini kerana, negara bukan sahaja memerlukan rakyat yang berpendidikan malah bijak, jujur, adil dan telus. Negara memerlukan rakyat yang menghargai limpahan rahmat yang mereka terima, negara juga perlukan rakyat yang mempunyai lebih integriti.⁶

Isu tadbir urus dan etika dalam pengurusan korporat adalah sangat penting. Kegiatan pihak pengurusan atasan dan lembaga pengarah untuk mengemudi syarikat agar mempraktikkan etika dan tadbir urus yang sihat adalah penting, malahan lebih penting dari aspek keuntungan.

Soal tadbir urus menitikberatkan isu pengelakan rasuah, ketelusan, percanggahan kepentingan antara diri dan kepentingan pemegang saham serta kepentingan masyarakat amnya. Kesalahan yang nyata dan jelas boleh dibanteras, tetapi isu-isu ini adalah sangat halus dan tidak mudah dipastikan.

Peningkatan kualiti dalam laporan kewangan dan amalan tadbir urus korporat akan memperteguhkan keyakinan terhadap pasaran modal. Ini terbukti dengan kesediaan

⁵ Kod Malaysia Untuk Tadbir Urus Korporat, Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia, 2002

⁶Utusan Malaysia, 8 Ogos 2005

pelabur untuk membayar premium tadbir urus korporat bagi sekuriti syarikat yang ditadbir dengan baik.⁷

Bagi institusi kewangan Islam, tadbir urus korporat yang baik memerlukan semua pemegang saham bertanggungjawab melengkapinya antara satu sama lain kerana ia berfungsi sebagai pemantau dan pengimbang dalam amalan itu. Tadbir urus yang baik perlu mempunyai ketelusan, sikap bertanggung jawab dan penglibatan, yang mana semuanya adalah elemen-elemen yang dituntut dalam Islam. Reka bentuk dan pelaksanaan strategi tadbir urus korporat institusi kewangan Islam tidak sepatutnya menghalang matlamat perniagaan dan potensi pertumbuhan.

Islam menentukan supaya setiap orang yang hendak melakukan sesuatu harus mengetahui apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan, sebelum mereka menceburkan diri dalam hal itu. Misalnya, mengikut Imam Al-Ghazali, mereka yang hendak berniaga harus mengetahui etika perniagaan terlebih dahulu sebelum menceburkan diri dalam perniagaan.⁸

Etika Perniagaan Dalam Sektor Korporat

Etika perniagaan memainkan peranan penting dalam persekitaran perniagaan moden, dan amalan tadbir urus korporat yang baik menanamkan keyakinan pelabur terhadap syarikat. Langkah hendaklah diambil untuk memperkuatkan pengurusan awam dan korporat dan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Langkah berikut dipraktikkan untuk dilaksanakan bagi membina keyakinan para pelabur :

- Memperbaiki ketelusan dan persekitaran kawal selia
- Mewujudkan peraturan untuk membantu industri dan syarikat
- Meningkatkan konsistensi dasar kerajaan
- Mengamalkan dasar berasaskan pasaran yang liberal
- Memperbaiki perhubungan awam
- Memperbaiki penyebaran maklumat ekonomi

Pentadbiran yang baik dalam sesebuah badan korporat bukan setakat hanya mematuhi undang-undang, sebaliknya ia melangkauinya, ia mengenai apa yang benar, ia mengenai etika, mengenai standard individu dan berkumpulan yang tinggi serta tanggungjawab peribadi.⁹

Justeru itu, syarikat Malaysia perlu membuat pelaporan pembangunan mampan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan lagi tadbir urus syarikat. Melalui

⁷ Utusan Malaysia, 29 Jul 2003

⁸ Website <http://www.ikim.gov.my/bm/paparmedia>

⁹ Utusan Malaysia, 2 Ogos 2003

tindakan itu, mereka bukan sahaja mendemonstrasikan ketelusan dan akauntabiliti, tetapi juga menjadi kelebihan bagi syarikat bersaing di peringkat antarabangsa.

Banyak kajian telah menunjukkan bahawa syarikat-syarikat yang mengamalkan pelaporan pembangunan mampan mempunyai imej yang lebih baik dan menarik lebih ramai pelabur yang berkualiti. Pelaporan pembangunan mampan akan membantu syarikat Malaysia untuk menjadi pengukur di peringkat antarabangsa dalam operasi mereka.¹⁰

Etika perniagaan diwujudkan adalah untuk mengawal tingkah laku para profesional atau ahli teknokrat supaya mereka dapat menggunakan segala pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang ada untuk kebaikan semua pihak. Untuk mencapai tujuan ini tidaklah dinafikan bahawa etika kerja profesional memainkan peranan yang amat penting untuk menjadikan masyarakat yang beretika dan berjaya.¹¹

Sememangnya, isu integriti melibatkan semua golongan; oleh itu, semua golongan patut dilibatkan. Tetapi setakat ini, belum ada perancangan menyeluruh yang melibatkan semua sektor sosial secara bersepadu untuk menggerakkan agenda integriti. Pelan Integriti Nasional (PIN), menghuraikan objektif, strategi dan tindakan yang perlu diambil oleh rakyat Malaysia keseluruhannya bagi meningkatkan integriti di semua peringkat.

Oleh kerana PIN mempunyai skop atau agenda yang luas, sasaran utama telah dikenal pasti. Bagi tempoh lima tahun pertama iaitu antara tahun 2004 hingga 2008, PIN menetapkan lima sasaran yang hendak dicapai yang dikenali sebagai Tekad 2008. Penumpuan diberikan kepada sasaran yang ketiga yang menekankan usaha untuk meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan. Kerajaan ingin membangunkan masyarakat yang beretika dan mempunyai kesedaran mengenai apa yang baik dan salah, dan dilengkapi dengan kompas moral yang membimbing sektor korporat ke hadapan.¹²

Kebanyakan daripada golongan korporat beranggapan bahawa etika adalah semata-mata untuk menyekat serta mengongkong kehidupan mereka. Mungkin pada masa sekarang ini ramai yang beranggapan bahawa tidak perlu lagi etika dalam kerja mereka kerana ianya akan menghadkan 'pergerakan' mereka dalam organisasi tersebut.

Sehubungan itu, masalah politik wang yang makin bertambah rumit juga menjadi satu perkara yang mendapat perhatian masyarakat. Etika akan memainkan peranan yang amat penting dalam membendung masalah-masalah yang berkaitan.

¹⁰ Utusan Malaysia, 20 Jun 2005

¹¹ Website <http://members.tripod.com/takingoff/etika.html>

¹² Pelan Integriti Nasional, Institut Integriti Malaysia

Antara masalah etika yang timbul dari amalan perniagaan ialah:

- a. Rasuah
- b. Memberi hadiah
- c. Kualiti produk yang rendah
- d. Tidak menepati janji
- e. Berbelanja besar

Dalam pembentukan sektor korporat, masalah yang dihadapi hari ini bukannya masalah dasar, peluang, modal, dan sebagainya, tetapi yang paling penting ialah masalah sikap mereka yang tergolong dalam sektor itu sendiri. Oleh yang demikian, etika Islam itu amat penting diamalkan bagi menjayakan lagi pembangunan sektor ini. Antara perkara yang boleh disumbang oleh etika Islam dalam pembentukan sektor korporat ialah:

- a. Peningkatan Prestasi
- b. Melihat Perniagaan Sebagai Ibadah
- c. Mengekalkan Kejayaan
- d. Meningkatkan Kemampuan Menangani Cabaran
- e. Meningkatkan Daya Tahan dan Daya Saing
- f. Memantapkan Organisasi Perniagaan¹³

Nilai moral atau etika yang luhur serta tersohor mencerminkan integriti (keutuhan) organisasi itu sendiri sebagai organisasi yang berlandaskan konsep dan prinsip tersendiri. Nilai-nilai murni seperti kejujuran, keterbukaan, ketelusan, pertanggungjawapan serta keprihatinan yang diterjemahkan dapat memastikan organisasi terus dapat memberi sumbangan dan peranan dengan erti kata sebenarnya. Semua pihak pastinya dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan mematuhi segala peraturan dan perundangan sedia ada; tidak menjalankan kegiatan pecah amanah serta tidak mungkir janji dalam melaksanakan tanggungjawab hariannya, seperti yang dikehendaki dalam menjayakan Tadbir Urus Baik Korporat.

Adalah diharapkan bahawa satu cara meningkatkan etika perniagaan Islam di kalangan sektor korporat dapat dikemukakan bersama. Ini adalah amat penting sekali untuk menentukan supaya kejayaan yang telah mereka capai akan dapat dikekalkan dengan amalan etika dan nilai yang sangat tinggi. Etika ini juga amat perlu untuk memastikan kejayaan mereka dalam bidang perindustrian dan perniagaan yang pada masa depan akan terus menghadapi saingan yang amat hebat. Kita yakin bahawa etika perniagaan akan juga berperanan untuk meningkatkan prestasi serta kualiti produk yang dihasilkan.

¹³ Website <http://vlib.unitarklj1.edu.my/staff-publications/datuk/ETIKMPPB.pdf>

Syarikat-syarikat di Malaysia, Singapura dan rantau ASEAN perlu memperlihatkan standard tadbir urus korporat yang tinggi dalam mempromosikan kecemerlangan korporat sebagai mercu syarikat Asia dan kecemerlangan jenama Asia. Dalam mengekalkan standard tadbir urus korporat dan pasaran yang lebih terurus, pengiktirafan dan ganjaran ke atas kecemerlangan korporat memainkan peranan penting dalam meningkatkan bukan sahaja syarikat tetapi juga pasaran. Tidak dapat dinafikan lagi tadbir urus korporat dan amalan korporat terbaik adalah agenda utama bagi setiap pasaran dan kriteria untuk setiap keputusan pelaburan yang berhemah.¹⁴

Oleh itu, adalah penting untuk pasaran kecil seperti Malaysia untuk meningkatkan prestasi ekonomi dan tahap ketelusan serta melaksanakan sesuatu dasar secara konsisten, sebagai daya tarikan kepada pelabur asing. Tindakan kerajaan menggalakkan kemasukan peserta industri dari luar negara akan membantu membawa profesionalisme kepada industri pasaran modal Malaysia. Profesionalisme itu merangkumi aspek tadbir urus korporat yang baik, selain secara langsung menggalakkan pengurus dana asing membawa lebih banyak dana ke Malaysia.

Penutup

Malaysia akan terus menjadi tumpuan pelabur asing pada masa depan berikutan kestabilan politik dan penerapan persekitaran mesra perniagaan yang diamalkannya. Negara boleh menarik pelabur menanam modal kerana pertikaian perniagaan jarang berlaku. Umpamanya di Beijing, China, pertikaian perniagaan berlaku hampir setiap hari. Kekurangan kes pertikaian perniagaan di sini disebabkan etika perniagaan dan sistem yang digunakan. Kestabilan politik khususnya penyatuan kaum dan kedudukan strategik Malaysia di tengah ASEAN turut memainkan peranan dalam memakmurkan ekonominya.

Walaupun bagaimanapun Malaysia tidak harus dibangunkan dalam bidang ekonomi sahaja. Ia mesti menjadi negara yang maju sepenuhnya dalam semua bidang: ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi, perpaduan nasional dan sosial, dalam erti kata ekonomi kita, dalam erti kata keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kerohanian, maruah bangsa dan keyakinan.

Kesimpulannya, kerjasama semua pihak termasuk SSM, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara, pengarah-pengarah syarikat dan semua pihak yang terlibat dalam pengurusan syarikat amatlah diharapkan bagi memastikan Malaysia berjaya menjadi sebuah negara Islam contoh yang mencapai tahap amalan tadbir urus korporat yang cemerlang. Ini seterusnya akan memastikan Malaysia menjadi destinasi utama pelaburan yang menarik lagi kompetitif di peringkat global.

¹⁴ Utusan Malaysia, 27 Sept 2004